

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 (61)

01 Julai 2024
24 Zulhijjah 1445H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.18/2024

KETETAPAN BAYARAN ELAUN KEPADA PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) YANG MENGIKUTI LATIHAN AMALI DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 10 Tahun 2024 bertarikh 11 Jun 2024 telah bersetuju meluluskan cadangan menerima pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, JPA(L)S.175/4/4-2 Klt.4 (21) bertarikh 6 September 2019 berhubung **ketetapan bayaran elaun kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi yang mengikuti latihan amali di agensi kerajaan.**

2. Sehubungan dengan itu, pihak Pengurusan Universiti telah menetapkan pemberian elaun kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi yang menjalani latihan amali / praktikal di Universiti Teknologi Malaysia sebanyak **RM 5.00 (Ringgit Malaysia Lima Sahaja) sejam terhad kepada maksimum 90 hari. Bayaran adalah menggunakan peruntukan kewangan PTJ masing-masing.** Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan bayaran melebihi 90 hari tertakluk kepada peruntukan kewangan PTJ yang mencukupi dan tempoh maksimum bayaran tambahan yang dibenarkan adalah terhad kepada tempoh latihan amali / praktikal yang ditetapkan oleh program pengajian pelajar.
3. Kadar pembayaran elaun ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2024 dan WAJIB dipatuhi oleh semua PTJ yang bersetuju menerima pelajar IPT untuk mengikuti latihan amali di PTJ masing-masing.** Maklumat lanjut berkaitan terma, panduan, peraturan dan kadar elaun adalah seperti di Lampiran A.
4. Selaras dengan itu, Pekeliling Pentadbiran Bil. 38 Tahun 2011 mengenai Elaun Bagi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Yang Mengikuti Latihan Amali Di Agensi Kerajaan (No. Rujukan: UTM.J.02.02/10.12/2 (81) bertarikh 8 November 2011 berhubung perkara di atas adalah **terbatal.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- | | | |
|------|---|---|
| s.k. | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) |
| | - | Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur) |
| | - | Pengarah (Kampus UTM Pagoh) |
| | - | Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah |

LAMPIRAN A

PERATURAN PEMBAYARAN ELAUN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI YANG MENGIKUTI LATIHAN AMALI / PRAKTIKAL DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk menyediakan satu peraturan pembayaran elaun kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang menjalani Latihan Amali/ Praktikal di Fakulti/ Jabatan dalam Universiti Teknologi Malaysia selaras Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, JPA(L)S.175/4/4-2 Klt.4 (21) bertarikh 6 September 2019

PELAKSANAAN

Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pembayaran elaun latihan industri mengikuti peraturan, syarat dan panduan yang digariskan dengan berkuat kuasanya kadar elaun ini.

a) Pengambilan Pelajar

- i. Pelajar terdiri dari Warganegara Malaysia sahaja;
- ii. Pelajar adalah meliputi pelajar yang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di dalam dan di luar negara yang menjalani sesi latihan amali / praktikal di UTM;
- iii. Pelajar boleh memohon kepada mana-mana bahagian PTJ yang bersesuaian;
- iv. Ketua Jabatan boleh mengadakan kaedah pemilihan tertentu seperti temuduga untuk mendapatkan pelajar yang sesuai.

b) Pengurusan Pelajar

- i. Pelajar tidak boleh diambil untuk mengisi jawatan kosong, jawatan kenaikan pangkat atau untuk melaksanakan tugas pegawai tetap;
- ii. Ketua Jabatan hendaklah memastikan seorang atau lebih Pegawai Penyelia di kalangan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang bertanggungjawab ke atas urusan penyediaan tugas pelajar;
- iii. Ketua Jabatan hendaklah menyediakan senarai tugas, jadual tugas dan sasaran kerja;

- iv. Waktu latihan amali / praktikal pelajar adalah menyamai waktu bekerja staf UTM;
- v. Pelajar tidak layak mendapat sebarang elaun, kemudahan cuti, rawatan perubatan dan kemudahan lain yang layak diterima oleh staf UTM;
- vi. Pelajar boleh dibenarkan bercuti dengan kebenaran tanpa dibayar sebarang elaun;
- vii. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar tidak menandatangani surat rasmi jabatan dan tidak menjalankan tugas yang melibatkan maklumat terperingkat;
- viii. Ketua Jabatan hendaklah **memastikan pelajar menandatangani perakuan berkenaan dengan Akta Rahsua Rasmi 1972**; dan
- ix. Tempoh latihan amali/praktikal adalah mengikut tempoh yang ditetapkan oleh IPT pelajar.

c) **Pembayaran Elaun Pelajar**

- i. Ketua Jabatan perlu memastikan perbelanjaan bagi tugas ini menggunakan pakai peruntukan sedia ada di Fakulti / Bahagian / Jabatan Pusat / *Research Alliance* yang terlibat pengambilan khidmat pelajar tersebut;
- ii. Kadar bayaran elaun adalah sebanyak **RM 5.00 (Ringgit Malaysia Lima Sahaja) sejam** terhad kepada maksimum 90 hari sahaja dengan syarat latihan amali / praktikal tersebut adalah merupakan salah satu syarat untuk pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya;
- iii. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan bayaran melebihi 90 hari tertakluk kepada peruntukan kewangan PTJ yang mencukupi beserta tempoh maksimum bayaran tambahan hanya terhad kepada tempoh latihan amali / praktikal yang ditetapkan oleh program pengajian pelajar;
- iv. Pelajar tidak layak dibayar elaun lebih masa;
- v. Pelajar akan menerima bayaran elaun mengikut hari bekerja sahaja dan tidak termasuk hari kelepasan am dan hari kelepasan mingguan. Rekod kehadiran harian pelajar perlu disediakan oleh PTJ yang berkaitan;
- vi. Elaun ini membatalkan Elaun Latihan Amali yang diterima oleh pelajar tajaan Kerajaan.